

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK  
YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

14. Huraikan data analisis bilangan permintaan dan penawaran permohonan perumahaan bagi rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi golongan belia, wanita, OKU dan ibu tunggal bagi KADUN ini.
- (a) Senaraikan jenis projek perumahan yang diluluskan kebenaran merancang dan pembinaan bagi tahun 2018 di kawasan ini dan jumlah unit.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Berdasarkan Sistem Maklumat Perumahan (SMP) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sehingga Julai 2018, terdapat sejumlah 5,403 pemohon masih berada dalam senarai menunggu bagi Rumah Mampu Milik A dan B Daerah Barat Daya. Daripada jumlah tersebut sebanyak 303 pemohon (138 wanita dan 165 lelaki) berada di dalam senarai menunggu KADUN Pantai Jerejak. Bilangan Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu / bapa tunggal dan belia di dalam senarai menunggu adalah seperti jadual berikut :

KATEGORI	RMM A	RMM B
OKU	3	1
IBU / BAPA TUNGGAL	13	12
BELIA	118	131

Semenjak tahun 2008 hingga Jun 2018 sebanyak 671 tawaran (310 wanita, 361 lelaki) telah dibuat kepada pemohon dari

KADUN Pantai Jerejak. Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu / bapa tunggal dan belia yang diberi tawaran adalah seperti jadual berikut :

KATEGORI	RMM A	RMM B
OKU	3	1
IBU /BAPA TUNGGAL	127	7
BELIA	197	36

Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih tiada pemajuan perumahan yang diluluskan Kebenaran Merancang atau *Commencement of Works* (COW) di DUN Pantai Jerejak bagi tahun 2018.